

13/09/2003

Kos haji dikurang lima peratus

KUALA LUMPUR: Kos menunaikan haji secara muassasah yang dikendalikan Tabung Haji akan dikurangkan sebanyak lima peratus pada tahun depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pengurangan itu dibuat berikutan langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kos pengangkutan udara serta penginapan di Makkah dan Madinah, yang selama ini menjadi sebahagian besar kos perlu ditanggung jemaah.

Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad akan membeli dua kapal terbang untuk mengurangkan kos sewaan yang tinggi oleh Tabung Haji. Selain itu, Tabung Haji pula akan menambah pembinaan dan pembelian tempat tinggal di Makkah dan Madinah.

"Sebagai sebuah negara Islam, kerajaan amat prihatin terhadap kos menunaikan haji yang kian meningkat. Oleh itu kerajaan terpanggil untuk memastikan kos mengerjakan haji dapat dikawal.

"Jika tidak, kita bimbang di masa akan datang ramai rakyat Malaysia di luar bandar dan bandar akan terkeluar daripada golongan yang mampu menunaikan haji," katanya membentangkan Bajet 2004.

Laporan sebelum ini menyebut perbelanjaan mengerjakan haji tahun ini ialah RM9,445 seorang bagi Semenanjung, Sarawak (RM9,530) dan Sabah (RM9,575).

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan terus menekankan kepada usaha menerap asas ajaran Islam sebenar bagi memastikan rakyat disemai dengan nilai mulia dan tidak terkeliru dengan ajaran salah mereka yang berkepentingan politik duniawi.

Untuk itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan melaksanakan lebih banyak program penerangan dan penghayatan ajaran Islam dengan peruntukan sebanyak RM228 juta.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan RM105 juta bagi melaksanakan pembinaan kompleks latihan, sekolah agama, masjid serta pembangunan sistem maklumat Islam.

Beliau berkata, pendapat bahawa negara Islam mestilah miskin, ketinggalan zaman, mempunyai pentadbiran yang hanya tahu meminta-minta dan lemah seperti di negeri diperintah oleh bukan ahli dalam bidang pentadbiran, sesungguhnya menghina Islam.

Oleh itu, katanya, masyarakat antarabangsa seharusnya mencari punca sebenar keganasan dan bukan hanya menuding jari kepada umat Islam serta melabelkan mereka sebagai pengganas.

Mengenai tindakan mengaitkan Islam dengan kemunduran dan kemiskinan, Dr Mahathir berkata, mengubah nasib sendiri memerlukan usaha yang gigih, penguasaan ilmu dan kecekapan tertentu.

"Oleh itu, kita di Malaysia tidak saja berdoa kepada Allah swt tetapi kita kejar ilmu dan kecekapan dan kita laksanakan rancangan pembangunan dan pertahanan kita sehingga kita lebih selamat.

"Sebab itu ramai pemimpin dan ulama Islam termasuk Sheikh Al Azhar mendakwa secara terbuka bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang patut dicontohi negara Islam lain," katanya.